



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

| | | |
|--------------------|----------|------------------------------|
| KURSUS | : | SISTEM KEWANGAN ISLAM |
| KOD KURSUS | : | DPI 3213 |
| PEPERIKSAAN | : | APR 2016 |
| MASA | : | 2 JAM 30 MINIT |

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, Jawab ENAM (6) soalan dari BAHAGIAN B dan Jawab ENAM (6) soalan dari BAHAGIAN C .
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.

1. Peranan bank perdagangan adalah memberi pinjaman kepada golongan yang memerlukan.
2. Pelaburan merupakan satu aktiviti yang melibatkan pembelian aset yang menawarkan jangkaan pendapatan atau keuntungan modal atau kedua-duanya.
3. Bon merupakan satu alternatif pelaburan yang terdapat di pasaran modal Islam.
4. *Maisir* dan *gharar* merupakan perkara yang diharuskan dalam urusan takaful.
5. 'Kekangan pengurusan' melibatkan kesediaan pelabur untuk membuat keputusan mengenai pelaburan.
6. 'Sistem bank' melibatkan syarikat insuran, Institusi tabungan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
7. Sistem Perbankan Tanpa Faedah merupakan salah satu sistem yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dalam memperkenalkan produk konvensional.
8. Insuran hayat member perlindungan kematian, kemalangan dan cacat kekal.
9. Riba jahiliyah adalah riba yang berkaitan dengan pengusaha dan seorang pemodal dalam melaksanakan konsep murabahah.
10. Mudarabah bermaksud perkongsian di antara pengusaha dan pemodal melaksanakan urusan perniagaan.

(10 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi TUJUH(7) soalan. Jawab ENAM (6) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan secara ringkas:

a. Pelabur tulen

(2.5 markah)

b. *Speculator*

(2.5 markah)

SOALAN 2

Jelaskan perkara berikut:

a. Terbitan hak

(2.5 markah)

b. Terbitan langsung/persendirian

(2.5 markah)

SOALAN 3

Terangkan secara ringkas :

a. Unit amanah

(2.5 markah)

b. Institusi permodalan pembangunan

(2.5 markah)

SOALAN 4

Berikan **LIMA (5)** rukun *Ar rahnu*

(5 markah)

SOALAN 5

Terangkan **DUA (2)** potensi pulangan seorang pelabur.

(5 markah)

SOALAN 6

Jelaskan mengenai **DUA (2)** kelebihan pelaburan emas yang semakin popular di kalangan rakyat Malaysia.

(5 markah)

SOALAN 7

Terangkan **DUA (2)** asas falsafah insuran Islam.

(5 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **ENAM (6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Fasa pelaksanaan Sistem Perbankan Tanpa Faedah bermula pada Mac 1993

Berdasarkan petikan diatas:

- a. Berikan definisi sistem perbankan tanpa faedah.
(2 markah)

- b. Huraikan **EMPAT (4)** fasa pelaksanaan SPTF
(8 markah)

SOALAN 2

Insuran secara ringkasnya merujuk kepada satu kaedah atau teknik untuk mengendali risiko yang dihadapi oleh manusia

- a. Berikan definisi insurans.
(2 markah)

- b. Terangkan secara ringkas mengenai **DUA (2)** kategori insuran
(4 markah)

- c. Terangkan kepentingan dana pendidikan dan dana persaraan.
(4 markah)

SOALAN 3

Huraikan komponen akhlak dan komponen aqidah yang diguna pakai dalam sistem kewangan Islam masa kini.

(10 markah)

SOALAN 4

Mudarabah adalah salah satu prinsip syariah yang diguna pakai dalam sistem kewangan Islam di Malaysia.

Berdasarkan petikan diatas terangkan secara ringkas:

a. Definisi *Mudarabah*

(2 markah)

b. *Mudarabah mutlaqah* dan *muqaiyadah*

(8 markah)

SOALAN 5

a. Huraikan :

i. Pasaran kewangan

(2 markah)

ii. Pasaran keluaran

(2 markah)

b. Terangkan fungsi:

i. Tabungan

(2 markah)

ii. Kekayaan

(2 markah)

iii. Mudah tunai

(2 markah)

SOALAN 6

Malaysia telah membangunkan instrumen pasaran kewangan Islam seiring dengan instrumen di pasaran kewangan konvensional sedia ada. Huraikan **EMPAT(4)** instrumen kewangan Islam yang terdapat di pasaran modal Islam di Malaysia.

(10 markah)

SOALAN 7

Huraikan **LIMA (5)** prinsip umum muamalah Islam

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

